

# Dr. Mahathir lawat projek pelancongan di Teluk Burau

LANGKAWI 1 Ogos -gosi tengah-tengah kesibukan pelbagai program sempena Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2002 hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sempat meluangkan masa untuk melawat dua projek pelancongan di Teluk Burau di sini.

Sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi kira-kira pukul 9 pagi, Perdana Menteri memandu sendiri kenderaan ke Oriental Village untuk meninjau perkembangan projek kereta kabel Langkawi bernilai RM46 juta.

Perdana Menteri yang ditemani Men-

teri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan empat pegawai lain termasuk perunding projek, Dr. Peter A. Wyss, menaiki kereta kabel berbentuk gondola sejauh 2.2 kilometer ke puncak Gunung Machinchang yang terletak 708 meter dari aras laut.

Dr. Mahathir kemudiannya menuju ke Pantai Kok untuk melawat projek pembangunan Langkawi Harbour Park dan mendengar taklimat ringkas daripada pelayar negara, Datuk Azhar Mansor yang merupakan salah seorang perunding bagi projek itu.